

10 NOV 1997

Macedonia-Sambutan (Bergambar)

PRESIDEN MACEDONIA DIBERI SAMBUTAN RASMI DI BANGUNAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Presiden Macedonia Kiro Gligorov yang tiba pagi ini untuk lawatan empat hari ke Malaysia diberi sambutan rasmi di bangunan Parlimen di sini petang ini.

Ketibaan beliau dan rombongannya disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Delegasi seramai 46 anggota yang termasuk beberapa menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan itu tiba di sini pagi ini untuk lawatan bertujuan yang antara lain meningkatkan hubungan politik, ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Beliau memeriksa kawalan kehormatan yang diketuai oleh Mejar Hamdi Abdul Rahman dengan empat pegawai dan 31 anggota dari Batalion Pertama Askar Melayu Diraja.

Gligorov kemudiannya diperkenalkan kepada barisan menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan dan ketua perwakilan asing yang turut hadir.

Terdahulu, ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik selaku menteri pengiring.

Pada malam ini, Presiden itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan diikuti dengan majlis makan malam.

Malaysia merupakan negara pertama di kalangan negara-negara Asia Pasifik yang mengiktiraf bekas negara republik Yugoslav itu pada 1992 berikutan kemunculannya sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka.

Dengan meliputi kawasan seluas 25,713 kilometer persegi, republik itu mempunyai jumlah penduduk kira-kira 2.075 juta. -- BERNAMA

WNZ NMO